



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 16 JULAI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RAIH RM5 JUTA JUAL DURIAN CHE TAT, NEGARA, KOSMO - 13	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Raih RM5 juta jual durian Che Tat

- **Tempahan hingga ke China, Singapura**
- **Dalam kebun ada 8,880 batang pokok**

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

SEGAMAT – Musim durian sentiasa dinanti oleh pengusaha durian Che Tat dari Segamat kerana ia bukan sahaja menjadi rebutan dalam kalangan penduduk tempatan, malah dieksport ke luar negara hingga memperoleh pendapatan lumayan mencecah RM5 juta.

Noriman Haikal Mohd. Nazri, 25, berkata, nama durian itu diambil sempena nama bapanya, Muhamad Nazri Mogit, 48, atau dikenali sebagai Che Tat dan Al-lahyarham datuknya, ustaz (tat) Mogit Sadio yang meninggal dunia pada 2008.

Katanya, tahun ini dia menerima tempahan untuk memasarkan durian hingga ke China dan Singapura selain ke seluruh negara.

“Kualiti durian Segamat sangat baik hingga mendapat permintaan tinggi. Kami perlu mengeksport 40 tan buah durian seminggu sekali ke China dan Singapura pula lima tan setiap hari menggunakan kontena.



NORIMAN (kiri) menunjukkan durian Che Tat yang mendapat permintaan tinggi saban tahun ketika ditemui di Segamat baru-baru ini.

“Kami mempunyai 8,880 batang pokok durian pelbagai jenis seperti musang king, black thorn, IOI, udang merah, D13 dan kampung kahwin yang ditanam di dalam kebun seluas 59 hektar,”

katanya ketika ditemui di Majestic Johor X Festival Durian di Dataran Segamat baru-baru ini.

Menurut Noriman, kesemua kebun itu terletak di Pagoh, Muar dan Kampung Sepinang, dan IOI (RM15-RM30), kampung

“

Kami mempunyai 8,880 batang pokok durian pelbagai jenis seperti musang king, black thorn, IOI, udang merah, D13 dan kampung kahwin yang ditanam di kebun seluas 59 hektar.”

NORIMAN

kahwin (RM18) dan musang king (RM15-RM70).

“Harga pula bergantung kepada bekalan dan pasaran. Untuk festival kali ini kita anggarkan lima tan durian dapat dijual,” katanya.

Ujar Noriman, dia sekeluarga berterima kasih kepada FAMA dan Jabatan Pertanian Segamat yang banyak memberikan bantuan logistik serta peralatan penyediaan durian di kilang sejak 2022.

“Durian runtuh untuk keluar kami biasanya terjadi antara Julai dan November setiap tahun,” katanya.